

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

HMT 201 Tinjauan Nahu Melayu Tradisional

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM EMPAT [4] HALAMAN.**

Kertas ini mengandungi DUA [2] bahagian. Jawab LIMA [5] soalan: SEMUA soalan dalam Bahagian A dan SATU [1] soalan dalam Bahagian B. (Huruf 'us' dalam soalan tertentu merujuk kepada data yang diubahsuaikan daripada data asal.)

Semua jawapan diberi NILAI MARKAH YANG SAMA.

**Bahagian A [Jawab SEMUA soalan.]**

1. (a) Jumlah mengangguk-anggukkan kepalanya. (Mereka Yang Tertewas: 51)
  - (b) Jumlah bangun dan berlalu ke dapur. (Mereka Yang Tertewas: 126)
  - (c) Dia menepiskan Rahimah dan Wok. (Rimba Harapan: 217)
  - (d) Tuntung dan Tapa terkejut. (Rimba Harapan: 224)
  - (e) Karim membelek mata parang yang berkilat itu. (Rimba Harapan: 80)
  - (f) Dia menyedut minumannya dengan menggunakan *straw*. (Lagu Musim Bunga: 5)
- [ i] Dengan merujuk kepada Z'aba, cerakinkan ayat (la-lf), dan tentukan jenis ayat-ayat ini.
- [ ii] Huraikan dengan jelas pembentukan golongan perbuatan dalam (la-lf).

.../2

2. (a) Pensyarah itu mengangguk-anggukkan kepalanya. (Lagu Musim Bunga: 2)
- (b) Lampu kamera video menerangi tempat itu. (Lagu Musim Bunga: 127)
- (c) Penjual emas itu tersenyum. (Azalea: 132)
- (d) Pokok kelapa itu meliuk-liuk. (us Azalea: 146)
- (e) Gulai itu dihidang di atas meja makan. (us Lagu Musim Bunga: 48)
- (f) Tempat itu segera ditinggalkannya. (Azalea: 17)

[ i] Gunakan ayat-ayat (2a-2f) sebagai sumber data. Huraikan konsep transitif dan tak transitif Z'aba dan Md. Said Suleiman.

[ ii] Gunakan ayat-ayat (2a-2f) sebagai sumber data. Huraikan konsep aktif dan pasif Z'aba dan Md. Said Suleiman.

3. Dengan merujuk kepada Z'aba, huraikan peranan golongan kata nama selepas kata perbuatan dengan jelas. Gunakan kelompok ayat (3a-3d) di bawah sebagai sumber data.

- (a) Raja Besar memberi adiknya bekal. (Raja Donan: 27)
- (b) Sultan Pahang memberi Sultan Alauddin sebuah istana. (Sejarah Melayu: 220)
- (c) Raja Sulaiman memberi anugerah akan Hang Nadim. (Sejarah Melayu: 164)
- (d) Pak Kia memberikan parang tapik tadi kepada Karim. (Rimba Harapan: 81).

4. (a) Kabus akan menerjah ke langit. (us Mereka Yang Tertewas: 1)
- (b) Dia akan memasak minyak. (us Daerah Zeni: 3)
- (c) Dia telah melihat orang itu. (us Azalea: 151)
- (d) Masing-masing sudah menuju ke pokok itu. (us Rimba Harapan: 122)
- (e) Teksi meninggalkan jeti. (Azalea: 151)
- (f) Zaidi menenung muka Aki Lebar. (Rimba Harapan: 14)
- (g) Ibu sedang meng goreng pisang. (Azalea: 147)
- (h) Pasir selut masih menutupi halaman itu. (us Rimba Harapan: 6)
- [ i] Huraikan dengan jelas konsep fi'il Raja Ali Haji yang anda lihat dalam ayat (4a-4h).
- [ ii] Jelaskan kelebihan atau kekurangan konsep fi'il Raja Ali Haji ini. Gunakan data dalam (4a-4h) jika perlu.

**Bahagian B [Pilih SATU [1] soalan sahaja.]**

5. Winstedt dalam *Malay Grammar* menyatakan bahawa “There is no copula in Malay ...” - **tiada kata pemeri dalam bahasa Melayu** (1939: 167). Bincangkan. Gunakan ayat (5a-5f) sebagai sumber data.
- (a) Pertandingan ini cukup hebat. (us Lagu Musim Bunga: 29)
  - (b) Tanah inilah modal orang Ketari. (us Rimba Harapan: 13)
  - (c) Mak Sinah itu Mak Ngahnya. (us Rimba Harapan: 212)
  - (d) Jusuh dan Sinah adalah abang dan kakak ibunya sendiri. (us Rimba Harapan: 212)
  - (e) Segala-galanya yang telah dilakukan adalah pernyataan kebenaran yang perlu diperjuangkan. (Mereka Yang Tertewas: 51)
  - (f) Manusia adalah makhluk yang tidak sempurna daripada segala segi. (us Mereka Yang Tertewas: 104).
6. Marsden menyatakan bahawa “Nouns ... cannot ... be said to possess the distinction of gender ...” - kata namaan tidak mempunyai perbezaan jantina [1984 (1812): 29]. Crawford pula dalam *Grammar and Dictionary of the Malay Language Vol. I* menyatakan bahawa “**There are not specific words to distinguish the sexes, ...**” - tiada terdapat kata-kata tertentu untuk membezakan kedua-dua jantina - seperti “boy and girl, ... horse and mare, ... bull and cow” (1952: 10). Terangkan dengan jelas **cara bahasa Melayu mengatasi keadaan ini**. Berikan contoh-contoh yang mencukupi dan berkualiti. Contoh-contoh boleh diberikan pada peringkat kata sahaja, dan tidak perlu pada peringkat ayat.

--oo000oo--